

## BIDANG KEPAKARAN

1. Sosiologi Alam Sekitar  
(*Environmental Sociology*)
2. Kelestarian Kehidupan Masyarakat Kepulauan dan Peribumi.  
(*Sustainable Livelihoods of Island and Indigenous Communities*)
3. Penglibatan Komuniti dalam Pemuliharaan Warisan  
(*Community Engagement in Heritage Conservation*)



DR. SHARINA ABDUL HALIM  
Timbalan Pengarah

## PROFIL

Dr. Sharina Abdul Halim merupakan Pensyarah Kanan di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI, UKM). Kini, memegang jawatan pentadbiran sebagai Timbalan Pengarah di LESTARI. Bidang penyelidikan utama beliau adalah sosiologi alam sekitar, kelestarian kehidupan masyarakat kepulauan dan peribumi, dan penglibatan komuniti dalam pemuliharaan warisan. Semenjak 2006, beliau terlibat secara aktif di dalam pembangunan geopark kebangsaan, khususnya dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pelaksana Geopark Kebangsaan; dan Pengurus Jawatankuasa Pemuliharaan dan Saintifik, Langkawi UNESCO Global Geopark. Selain itu, sumbangan sebagai penulis utama (Lead Author) di peringkat antarabangsa melalui keterlibatan Intergovernmental Panel for Climate Change (IPCC) khususnya untuk penyediaan dokumen Chapter 5 on the Special 1.5 degrees Report (2017-2018) and Chapter 10: Asia for the Working Group II contribution to the IPCC Sixth Assessment Report (AR6-WG2) (2019-2021). Terkini, beliau juga terlibat sebagai ahli pasukan dalam mencari penyelesaian kelestarian terhadap isu semasa berkaitan pembangunan, pemuliharaan, dan perubahan iklim antaranya Domain Sosio-ekonomi di bawah Akademi Sains Malaysia (ASM) Taskforce Tasik Chini 2021-2022 dan ASM-EPU Water Sector Transformation Plan 2040 di bawah Taskforce Climate Change, Impacts and Adaptation.